

Chok Tong pernah minta dibekal air 100 tahun lagi

UM 20 FEB 2009

JOHOR BAHRU 19 Feb. — Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman mendedahkan bahawa Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong pernah menyuarakan secara peribadi kepadanya untuk meminta Malaysia membekalkan air 100 tahun lagi selepas tahun 2061.

“Chok Tong bercadang untuk menambah bekalan air kepada 100 tahun lagi selepas 2061 iaitu kepada 2161,” katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Bagaimanapun kata Abdul Ghani, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas sikap kejiranan dan menganggap Singapura sebagai sahabat dan kawan yang baik dengan jelas mengatakan air akan dibekalkan kepada Singapura sehingga bila-bila sampai hari kiamat.

“Atau boleh saya katakan sehingga adanya bulan dan bintang, pada saya, kenyataan PM begitu kuat dan tidak mempunyai niat untuk menghentikan bekalan air ke Singapura,” tegas Menteri Besar lagi.

Sebelum ini pada 14 Februari lalu, Dr. Mahathir membuat kenyataan yang berupa jaminan kepada Singapura bahawa Malaysia akan membekalkan air kepada republik itu ‘sampai kiamat’.

Berdasarkan kepada Perjanjian 1961, Singapura boleh mendapat 80 juta gelen air sehari dari kawasan tadahan Pulai, Sungai Tebrau dan Sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos 2011.

Perjanjian 1962 pula membenarkan Singapura mendapatkan 50 juta gelen sehari dari Sungai Johor sehingga 28 September 2061.

Abdul Ghani memberitahu apabila Perdana Menteri memberi jaminan itu (membekalkan air sampai kiamat), pihak Singapura tidak mengulas mengenainya.

Malah katanya, Singapura pula memperlekeh-lekehkan niat baik Malaysia untuk menyelesaikan isu air dan menggelar Perdana Menteri sebagai penglipur lara ekor-an pendedahan beliau bahawa Perdana Menteri Chok Tong tidak bersetuju dengan pembinaan jambatan baru.